

Antara dakwaan Tajudin

- Di arah beli saham MAS RM8 sesaham pada 2000
- Harga pasaran ketika itu RM3.68
- Pembelian bagi membantu Bank Negara Malaysia yang kerugian daripada tukaran mata wang asing
- Pembelian bersifat khidmat negara bagi memuaskan pelabur dan orang ramai atas kehendak kerajaan
- Dr Mahathir dan Daim beruiang kali memberitahu beliau tidak akan menanggung kerugian atau bertanggungjawab terhadap sebarang masalah yang timbul

Saya tak tahu: Najib

Dakwaan Tajudin diarah Dr Mahathir, Daim beli saham MAS

Oleh Anwar Hussin dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau tidak mengetahui mengenai dakwaan bekas Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS) Tan Sri Tajudin Ramli, bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Daim Zainuddin, meminta ahli perniagaan itu membeli saham MAS pada 1994.

"Saya tidak tahu. Saya tidak menyedarinya. Saya tidak boleh memberi sebarang komen tentang apa yang dikatakan (oleh Tajudin)," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri bagaimanapun berkata, Kabinet ada dimaklumkan mengenai pembelian balik saham MAS oleh kerajaan pada 2000.

Pada 29 Jun lalu, Tajudin mengemukakan saman balas RM13.4 bilion terhadap saman RM589 juta oleh Danaharta mengenai pembelian 32 peratus saham MAS pada 1994 dan menjualnya semula kepada kerajaan pada harga RM1.8 bilion atau RM8 sesaham pada 2000.

Harga saham RM8 itu adalah RM4.32 atau 117 peratus lebih tinggi berbanding harga pasaran saham MAS ketika itu bernilai RM3.68.

Bagaimanapun dalam afidavitnya, yang disiarkan *The Sun* semalam, Tajuddin berkata, pembelian saham itu bagi membantu Bank Negara Malaysia yang mengalami kerugian daripada tukaran mata wang asing.

Beliau juga mendakwa pembelian itu bersifat khidmat negara yang dibuat seperti urus niaga komersial atas kehendak kerajaan yang mahu

memuaskan hati masyarakat pelabur dan orang ramai.

Tajudin berkata, mulanya beliau enggan menerima amanah Dr Mahathir itu kerana tugas membeli dan menjalankan penstrukturan semula yang radikal bagi MAS adalah melampaui kemampuannya.

"Bagaimanapun, bekas Perdana Menteri menjelaskan kepada saya tugas ini adalah satu khidmat negara, malah satu tanggungjawab. Saya juga diberitahu ekonomi Malaysia menghadapi saat yang amat sukar ekoran spekulasi-mata wang asing dan pembelian saham MAS penting untuk mengatasi kegawatan," katanya.

Tajudin berkata, beliau bersedia untuk memperoleh kepentingan MAS pada harga tidak melebihi RM5 setiap saham.

Bagaimanapun, Dr Mahathir, me-

lalui Daim yang ketika itu Menteri Kewangan, mengarahkannya membayar RM8 setiap saham MAS kerana kerajaan memerlukan harga itu untuk membantu mengatasi krisis tukaran asing negara.

Tajuddin turut mendakwa Dr Mahathir dan Daim beruiang kali memberitahunya beliau tidak akan menanggung kerugian atau bertanggungjawab terhadap masalah timbul berkaitan pembelian saham MAS itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, ketika diminta mengulas, berkata beliau juga tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai perkara itu dan langsung tidak menyedarinya.

"Saya tidak boleh beritahu apa-apa pun," katanya di lobi Parlimen.

LIHAT MUKA 2

Tajudin diminta pegang pada janji

DARI MUKA 1

Di kemuncak krisis kewangan Asia pada 1998, pinjaman Tajudin menjadi tidak berbayar dan kemudian diambil alih Danaharta daripada bank. Turut diambilalih ialah saham dan sekuriti Naluri Bhd dan Technology Resources Industries Bhd (TRI) yang beliau cagarkan kepada bank.

Selepas kerajaan membeli balik saham MAS daripada Naluri, Danaharta dan Tajudin cuba merangka jalan menyelesaikan hutang tidak berbayar berkenaan tetapi gagal. Keadaan itu memaksa Danaharta untuk menjual saham Naluri dan TRI.

Pada Mei tahun ini, Danaharta me-

nyaman Tajudin untuk mendapatkan semula sejumlah RM589 juta, hingga memaksa Tajudin mengemukakan saman balas itu.

Tajudin mendakwa beliau diminta untuk tidak mengumumkan mengenai 'janji niaga rahsia' itu dan berpegang pada janji itu kerana diberikan jaminan berkali-kali daripada Dr Mahathir dan Daim bahawa beliau tidak akan mengalami sebarang kerugian dan tanggungan kewangan.

Tajudin menganggap tindakan undang-undang Danaharta terhadapnya sebagai pelanggaran 'perjanjian' yang dibuat kerajaan Malaysia, justeru beliau kini tiada pilihan selain mendedahkan apa yang didakwanya sebagai 'keadaan sebenar'.

Atas permintaan kerajaan, Tajudin berkata, beliau bekerjasama dengan Danaharta untuk menyelesaikan masalah mereka dengan persefahaman bahawa kerajaan akan berpegang kepada 'perjanjian' justeru satu mekanisme adil akan dicapai untuk melepaskan Tajudin daripada sebarang tanggungan berikutan pembelian saham MAS.

Tajudin mendapatkan pengesahan dari Daim sebelum memeterai 'perjanjian penyelesaian' dengan Danaharta ke'raha adalah perlu membuat 'penampilan' kerana 'perjanjian' dengan kerajaan itu akan tetap dipecahkan.

Dokumen mahkamah seterusnya menjelaskan bagaimana akhirnya keseluruhan rundingan gagal hingga

akhirnya beliau kehilangan kawalan terhadap Naluri.

Tajudin turut mendakwa adanya konspirasi daripada Danaharta untuk menjual sahamnya dalam TRI dengan murah kepada Telekom Malaysia hingga membolehkan Telekom menggabungkan anak syarikat TRI, Celcom dengan anak syarikat selular Telekom, TM Touch.

Bank Negara Malaysia (BNM) memegang 32 peratus kepentingan MAS yang dijual kepada Tajudin bagi pihak kerajaan. Bagaimanapun, BNM terpaksa menjual keseluruhan pegangan itu untuk menampung kerugian besar dalam dagangan pertukaran mata wang asing pada 1994 menerusi gerak kerja penswastaan kepada Tajudin.